



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel.: 03-8883 2545
Faks: 03-8889 5542
Emel: anhisham@moh.gov.my

Rujukan kami : KKM.600-29/4/33 (35)

Tarikh : 12 Oktober 2018

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Datuk Indera / Dato' / Tuan / Puan,

GARIS PANDUAN PENCEGAHAN & KAWALAN TIBI DALAM KALANGAN IBU MENGANDUNG EDISI PERTAMA 2018

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Bahagian Kawalan Penyakit telah menghasilkan satu garis panduan yang dinyatakan di atas, khusus kepada kawalan tibi dalam kalangan ibu mengandung. Garispanduan ini amat penting untuk memastikan setiap ibu mengandung yang mempunyai gejala sakit tibi, dapat disaring secara simtomatik, di peringkat awal. Pengesanan awal amat penting untuk mengelakkan komplikasi teruk akibat dari sakit tibi, jangkitan vertikal kepada bayi yang boleh mengakibatkan *congenital tuberculosis* dan juga kematian kepada ibu mengandung itu sendiri.

3. Garispanduan ini menerangkan dengan jelas dan terperinci mengenai kaedah saringan simtomatik, ujian makmal dan radiologi serta pengurusan kes-kes yang perlu dirujuk dan dirawat. Sudah tiba masanya, pihak-pihak yang berkaitan di dalam pengurusan ibu mengandung, dapat bekerjasama memastikan kejadian tibi dalam kalangan ibu mengandung, dapat diuruskan terbaik mungkin berpandukan garispanduan ini dan aktiviti pencegahan dapat dipertingkatkan dengan berkesan.


4. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada ahli jawatankuasa pembangunan garis panduan ini di atas usaha dan komitmen yang diberi di dalam menghasilkan satu garis panduan yang komprehensif ini.

5. Sehubungan dengan itu, saya mohon tuan/puan untuk memajukan garis panduan ini kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam kawalan tibi di peringkat negeri dan daerah di bawah seliaan tuan/puan. Penggunaan garis panduan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat ini diedarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Ukhlaz,



bp. ICPE

(DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH)

sk Timb. Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Timb. Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Pengarah Bahagian Perkembangan Farmasi

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kesihatan Negeri Perlis
2. Pengarah Kesihatan Negeri Kedah
3. Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah Kesihatan Negeri Selangor
6. Pengarah Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
7. Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan
8. Pengarah Kesihatan Negeri Melaka
9. Pengarah Kesihatan Negeri Johor
10. Pengarah Kesihatan Negeri Pahang
11. Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu
12. Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan
13. Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak
14. Pengarah Kesihatan Negeri Sabah
15. Pengarah Kesihatan WP Labuan